Latihan : Kata Kerja dan Kata Bantu

Lengkapkan ayat dengan jawapan yang paling sesuai.

hendak pergi	masih menjahit	mahu menjadi
sedang menyiram	telah menerima	mesti mematuhi
belum mandi	pernah bertugas	akan melancong
	perlu membantu	

1. Shiva _____ tawaran melanjutkan pelajaran ke London.
2. Jasmeen dan keluarganya _____ ke Pulau Tioman pada minggu hadapan.
3. Cik Danisha _____ di Jabatan Perdana Menteri dua tahun yang lalu.
4. Semua murid _____ peraturan sekolah.
5. Walaupun dihalang oleh ibu bapanya, Dania tetap _____ seorang pelakon.
6. Ru En _____ ke Zoo Negara pada cuti sekolah yang nanti.
7. Emak _____ walaupun hari sudah senja.
8. Chen Yu _____ pokok bunga di luar rumah.
9. Kita _____ orang yang berada dalam kesusahan.
10. Kai Xin _____ sejak pagi tadi.

LIVEWORKSHEETS
LIVEWORKSHEETS

KATA BANTU

Isi tempat kosong dengan kata bantu yang betul.

akan	masih	sedang	belum	sudah

1. Kami _____ menjalankan kajian tentang punca keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja di kawasan perumahan ini.
2. Hafiz _____ menjelaskan kepada saya semalam tentang masalah yang dihadapinya.
3. Pada bulan hadapan, kakak saya _____ melangsungkan perkahwinan dengan jejaka pilihannya.
4. Kakak _____ menemukan anak kucingnya yang hilang walaupun sudah mencarinya di merata-rata tempat.
5. Abang saya _____ membaca buku walaupun hari sudah lewat malam.

Pilih kata bantu yang sesuai dalam ayat di bawah.

1. Khairi datang ke rumah saya untuk mengajak saya pergi ke bandar tetapi saya_____ (sedang, masih) belum bersiap.
2. Rashidi dan keluarganya _____(pernah, sedang) makan di restoran yang tular itu beberapa minggu lepas.
3. Anak bongsu Puan Jasnita _____ (masih mahu, masih belum) bersekolah kerana usianya baru empat tahun.
4. Kita _____ (mesti, sedang) menjaga kebersihan diri dan persekitaran supaya kesihatan kita terpelihara.
5. Abang Fadli _____(sudah, masih) belajar dan akan menduduki peperiksaan secara persendirian walaupun sudah berumur.

LIVEWORKSHEETS